

30 OCT 1997

Mahathir-Benar

PM KATA PANDANGAN MALAYSIA TERBUKTI BENAR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata apa yang disuarakan Malaysia mengenai bahaya kegiatan tidak bertanggungjawab pedagang-pedagang matawang dan pasaran saham selama ini ternyata benar kerana ia sudahpun merebak kepada banyak negara lain.

Perdana Menteri berkata, ketika kerajaan menyuarakan pandangan tegas mengenai kegiatan yang tidak bertanggungjawab itu, banyak negara dan pelbagai pihak bukan sahaja enggan mengakuinya malahan mereka menyalahkan pengurusan ekonomi Malaysia sebagai punca kejatuhan nilai ringgit dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Saya dari awal pun dah mewajarkan (vindicated) dah (mengenai apa yang beliau katakan mengenai kegiatan spekulator dan pemanipulator perdagangan matawang) tetapi orang lain tak mahu mengaku.

"Sekarang ni (selepas kejatuhan nilai matawang dan pasaran saham banyak negara lain) orang lain pun sikit sebanyak mengakulah juga. Dia rosakkan kita, dia rosak sama," katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya daripada lawatan ke luar negara.

Dr Mahathir berada di luar negara sejak 22 Okt lepas kerana menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland dan lawatan rasmi tiga hari ke Slovenia.

Ketika ditanya pandangan beliau selepas apa yang dinyatakannya itu kini terbukti benar walaupun dahulunya ia dikecam, Perdana Menteri berkata, para pengkritik Malaysia sepatutnya kini mencadangkan juga kepada negara-negara yang menghadapi masalah seperti Malaysia supaya menukar pemimpin mereka.

"Kalau dulu dia kata patut tukar pemimpin Malaysia ni kerana kita pengacau, jadi di negara lain juga yang menghadapi masalah yang sama patut tukar jugalah," katanya yang jelas merujuk kepada ucapan pemiya kewangan antarabangsa dari Amerika Syarikat, George Soros, semasa di Hong Kong tidak lama dahulu yang menganggap Dr Mahathir sebagai pengacau (menace) kepada negaranya sendiri.

Ketika kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan, kedengaran juga media dan pengurus dana asing mencadangkan supaya pemimpin Malaysia ditukar jika negara ini mahu mengatasi masalah itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga dikecam apabila kerajaan membenarkan syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL membeli balik saham-saham mereka sendiri yang terjejas teruk akibat kejatuhan pasaran saham tempatan.

"Apabila kita di sini membuat keputusan membenarkan syarikat-syarikat membeli balik saham-saham mereka maka kita dikecam hebat oleh pelbagai pihak termasuk di dalam negara kita sendiri yang kata itu tak patut dilakukan tetapi bila Amerika Syarikat buat, tak ada siapa yang tegur," katanya.

Perdana Menteri berkata, keputusan kerajaan membenarkan syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL membeli balik saham-saham mereka ternyata turut diamalkan di Amerika Syarikat.

Katanya, atas desakan pentadbiran Clinton, beberapa syarikat telah membeli balik saham-saham mereka bagi menstabilkan semula Bursa Saham New York yang jatuh teruk Isnin lepas.

"IBM (gergasi pengeluaran peralatan pejabat) yang memulakan proses membeli balik ini dengan membeli lebih dari dua bilion dolar saham mereka sendiri," katanya.

Ketika ditanya pandangan beliau mengenai peluang cadangan Malaysia supaya peraturan perdagangan matawang digubal diterima masyarakat antarabangsa berikutan krisis matawang dan pasaran saham di seluruh dunia sekarang, Dr Mahathir berkata, sekarang sudah ada sedikit kesedaran di kalangan para pemimpin kebanyakan negara tetapi beliau masih pesimistik mengenai kemungkinan ia dapat dilaksanakan.

"Saya cakap dengan Perdana Menteri Britain (Tony Blair) yang nampaknya ingin mendengar dengan lebih jelas lagi tetapi ada juga negara maju yang lain yang berpendapat tentu ada sesuatu yang salah yang dilakukan oleh kita sebab itu masalah timbul," katanya.

Katanya, tanggapan kononnya masalah kejatuhan nilai matawang dan pasaran saham di beberapa negara berpunca daripada salah pengurusan ekonomi negara-negara itu hanya merupakan alasan.

"Sekarang ni akan timpa di atas kepala mereka sendiri (negara-negara yang tidak setuju dengan pandangan Malaysia mengenai perlunya peraturan dalam perdagangan matawang) kerana apabila mereka membawa kemiskinan (menjatuhkan nilai matawang) kepada pasaran mereka (negara pengimport), maka pasaran mereka tidak akan beli barangan daripada mereka," katanya. -- Bernama.

AH MNY RI